



Rujukan: UKM.KPD.ODL.500-4/2/2  
Tarikh: 30 Oktober 2024

Semua Pelajar ODL  
**Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024-2025 (SEPTEMBER 2024)**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir bagi Program Open & Distance Learning (ODL) Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025 adalah bermula pada **9 Disember 2024 hingga 14 Disember 2024**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2024-2025 melalui **SMPE** mulai **4 November 2024 hingga 10 November 2024** (Minggu ke – 9). Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di **SMPE** adalah betul.

Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunakan bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih.

*Ardilla*

**ARDILLA MUHAMMAD ASRI**

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249